



17 MAR, 2026

TNB, TM perkukuh kerjasama tenaga hijau dan teknologi

Berita Harian, Malaysia



TNB, TM perkukuh kerjasama tenaga hijau dan teknologi

Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Telekom Malaysia Bhd (TM) menja-lin kerjasama strategik bagi mem-perkukuh pembangunan penyelesa-ian tenaga hijau serta infrastruktur tenaga dan telekomunikasi yang lebih pintar, mampan dan saling berhubung di seluruh negara.

Kerjasama itu dimeterai me-nerusi pertukaran dokumen me-morandum persefahaman (MoU) bagi menggabungkan kepakaran kedua-dua syarikat dalam bidang tenaga hijau dan teknologi digital, selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) serta agenda transformasi digital negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Ek-sekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad, berkata pelaksanaan awal kerjasama itu termasuk menilai potensi pemasangan sistem solar di sehingga 150 premis TM serta peluasan pemasangan kepada lebih banyak kediaman pelanggan Unifi Home setiap tahun.

“Melalui GSPARX, pakej sistem solar akan terus ditambah baik bagi memberi nilai tambah kepada pengguna. Selain itu, peningkatan rangkaian stesen pengecasan ken-deraan elektrik (EV) turut dirang-ka dalam pelaksanaan kerjasama ini.

“Dengan pertambahan stesen pengecasan, pengguna EV mem-punyai lebih banyak lokasi untuk mengecap sekali gus meningkatkan kemudahan serta pengalaman peng-gunaan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris, berkata kerja-sama itu mencerminkan komitmen kedua-dua organisasi dalam mem-perkukuh ekosistem tenaga dan di-gital negara secara mampan serta bersedia untuk masa hadapan.

Beliau berkata, gabungan kepe-mimpinan TNB dalam tenaga boleh baharu bersama kekuatan TM da-lam infrastruktur digital seluruh negara serta keupayaan kecerdasan buatan (AI) dijangka mewujudkan nilai kepada kedua-dua organisasi.

“Selaras dengan aspirasi Digi-tal Powerhouse 2030, kerjasama ini mencerminkan usaha TM dalam memperkasa transformasi digital merentasi sektor utama negara,” katanya.

Kerjasama itu memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu penyelesaian tenaga lestari, pe-merkasaan teknologi digital dan penyumbangan ICT secara strategik.

Di bawah kerjasama berkenaan, TNB melalui GSPARX dan TNB Electron bersama TM akan me-laksanakan inisiatif tenaga hijau seperti pemasangan solar di ba-ngunan, penyelesaian solar secara pakej serta peluasan rangkaian pengecas EV.